

Headline	2 ahli lembaga pengarah GLC tarik diri		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 May 2018	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Bisnes	Page No	27
ArticleSize	136 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 14,064		



## 2 ahli lembaga pengarah GLC tarik diri

**Tenaga** Nasional Bhd (TNB) mengumumkan dua ahli lembaga pengarahnya menarik diri secara sukarela daripada pemilihan senarai lembaga pengarah baharunya.

Pengarah terbabit ialah Datuk Abd Manaf Hashim dan Datuk Sakthivel Alagappan.

Pengumuman itu dibuat dalam kenyataan di Bursa Malaysia, petang semalam.

Terdahulu, pada sidang media selepas Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) TNB ke-28, Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie, berkata berdasarkan notis yang diberikan, pada mulanya terdapat empat ahli lembaga pengarah mahu melalui proses pemilihan semula tetapi kemudian hanya dua sahaja memilih untuk tidak melalui proses itu.

“Ini dibuat atas anggapan bahawa pelantikan mereka mempunyai hubung kait dengan politik dan mereka tiada lagi dalam lembaga pengarah.

### **Sikap profesional**

“Secara dasarnya sebarang pelantikan pengarah bebas adalah tertakluk kepada lembaga pengarah dan mana-mana pencalonan yang dibuat perlu mengambil kira latar belakang kelayakan profesional mereka sebelum sebarang keputusan dibuat.

“Bagaimanapun, dengan pentadbiran kerajaan baharu (seperti dinyatakan dalam kenyataan media mereka sebelum ini), kami sebagai syarikat milik kerajaan (GLC) juga perlu bersikap profesional dalam apa jua yang kami lakukan,” katanya.

Moggie berkata, operasi TNB perlu sejajar dengan kerajaan hari ini yang mengutamakan profesionalisme dan tadbir urus yang baik, pada masa sama menilai setiap pelaburan yang dibuat demi manfaat pemegang saham dan juga negara.